

BAB II

KONSEP ZAKAT PERTANIAN

2.1 PENDAHULUAN

Zakat bertujuan untuk membersihkan harta. Selain itu, ia juga merupakan kewajipan seorang hamba kepada Allah s.w.t.. Zakat juga bertujuan untuk mengagihkan kekayaan daripada orang kaya kepada orang miskin. Dalam hal ini, zakat mempunyai dua fungsi iaitu fungsi ibadah dan fungsi sosial. Kewajipan zakat telah ditetapkan dan tidak dapat disyakki lagi akan kewajipannya melalui al-Qur'ān dan al-Sunnah. Zakat juga berfungsi sebagai sekuriti sosial dalam Islam, sebagaimana yang telah disebutkan dalam al-Qur'an surah al-Taubah: 60 dan hadis Mu'az yang mengatakan bahawa zakat diambil daripada orang-orang kaya mereka dan dikembalikan kepada fakir mereka.

Zakat terbahagi kepada dua bahagian, pertama; zakat *māl* (harta) seperti emas, perak, perniagaan, haiwan, tumbuh-tumbuhan, ma'din dan rikaz. Keduanya ialah; zakat *nafs* (diri) iaitu zakat yang diwajibkan setahun sekali pada bulan ramadhan sehingga sebelum mengerjakan solat sunat hari raya. Zakat pertanian merupakan salah satu yang termasuk dalam zakat harta. Jumhur Ulama sepakat akan kewajiban zakat pertanian, akan tetapi mereka berbeza pendapat dalam jenis-jenis pertanian yang diwajibkan keatasnya zakat.

Hal ini disebabkan oleh perbezaan pandangan dalam meletakkan ‘illat kewajipan zakat pertanian dan juga pemahaman terhadap nas al-Qur'an dan hadis yang menyatakan tentang kewajipan zakat pertanian secara umum dan khusus. Perbezaan pendapat ini

mengakibatkan kepada perbezaan amalan dalam pelaksanaan zakat pertanian di pelbagai daerah. Di Indonesia misalnya, kebanyakan masyarakat bermazhab Syafi'i melaksanakan zakat pertanian dengan hanya mengeluarkan makanan asasi sahaja. Sedangkan tanam-tanaman yang lain seperti jagung, salak, sayur-sayuran, jenis kekacang, tanaman hias dan sebagainya tidak dikeluarkan zakatnya. Meskipun begitu wujud segelintir daripada mereka yang sedar sahaja yang mengeluarkan zakat.

2.2 Pengertian Zakat

2.2.1 Zakat Menurut Bahasa

Zakat menurut bahasa, bererti *al-barakah* (keberkatan), *al-namā'* (kesuburan), *al-tahārah* (kesucian) dan *al-ṣalāḥ* (kebaikan).¹ Imam Abū Ḥasan al-Wāḥidī mengatakan bahawa zakat bererti mensucikan harta, memperbaikinya, membezakan dan menyuburkannya.²

Zakat ialah perkataan bahasa arab yang telah wujud sebelum datangnya syariat Islam. Perkataan zakat telah biasa digunakan oleh orang arab sejak zaman jahiliyah. Akan tetapi menurut Dawūd al-Zahiri, perkataan zakat tidak terdapat dalam bahasa arab, zakat hanya ada dalam syara' sahaja. Pernyataan ini ditentang oleh Imam al-Mawardi yang menguatkan bahawa perkataan zakat berasal dari kalimat bahasa arab.³

¹ Majma' lughah al-'Arabiyyah (2005), *al-Mu'jam al-Wasīṭ*. Kāhirah: Maktabah Syurūq al-'Arabiyyah, h. 396.

² Al-Nawawī, Abi Zakaria Yaḥya bin Syaraf (2003), *Rawḍah al-Talibīn*, j.2. al- Mamlakah al-'Arabiyyah al-Su'udiyah: Dār 'Alam al-Kutub, h. 3.

³ Imam Dawūd al-Zahiri berkata perkataan zakat tidak terdapat dalam bahasa arab, zakat hanya ada dalam syara' sahaja. Imam al-Mawardi membantah perkataan Dawūd al-Zahiri yang mengatakan bahawa perkataan ini adalah fasid walaupun begitu ianya tidak merubah hukum zakat itu sendiri. Abi Zakaria Yaḥya bin Syaraf al-Nawawī (t.t.), *Kitab al-Majmū' Syarḥ al-Muhazzab li al-Shairazi*, j.5. Jedah: Maktabah al-Irsyād, h. 295.

Imam al-Sarkhasī mengatakan bahawa zakat menurut bahasa ialah *al-namā'* (kesuburan) dan *al-ziyādah* (bertambah). Seperti dalam kalimat رَكِّا الزَّرْعُ إِذَا نَمَّ (tumbuh tanaman jika subur) dan zakat dinamakan dengan zakat kerana zakat merupakan sebab bertambahnya harta di dunia dan pahala di akhirat.⁴

2.2.2 Zakat Menurut Syara'

Imam al-Mawardi dalam kitabnya *al-Hāwi* berkata:

ان الزكاة في الشرع اسم صريح لأخذ شيء مخصوص من مال مخصوص على أوصافه مخصوصة
لطائفة مخصوصة

Maksudnya: "Zakat menurut syara' itu sebutan untuk pengambilan tertentu dari harta yang tertentu, menurut sifat-sifatnya yang tertentu untuk diberikan kepada golongan yang tertentu."

Syaikh Qawamuddīn al-Kāki daripada ulama Ḥanafī berkata:

إيتاء جزء مقدر من النصاب الحولي إلى الفقير لله تعالى

Maksudnya: "Memberi suatu bahagian dari harta yang sudah sampai nisab kepada orang fakir kerana Allah Ta'ala."⁵

Imam Ahmad al-Turki al-Mālikī berkata:

الزكاة مال مخصوص يؤخذ من مال مخصوص اذا بلغ قدر اخصوصا في وقت مخصوص يصرف في جهة مخصوصة

⁴Al-Sarkhasī, Muḥammad bin Aḥmad bin Abī Sahl (t.t.), *al-Mabsūt*, j. 3. Jeddah: Maktabah al-Irsyād, h. 183.

⁵ Al-‘Ainī, Abī Muḥammad Maḥmud bin Aḥmad (1990), *al-Bināyah fī Syarḥ al-Hidāyah*, j. 3, c.2. Beirut: Dār al-Fikr, h.340.

Maksudnya: “ Zakat itu harta yang khusus yang diambil dari harta yang khusus jika telah sampai ukuran yang tertentu pada masa yang tertentu dan di berikan kepada golongan yang tertentu.”⁶

Imam Ibn Qutaibah berkata zakat pada syara’ maksudnya adalah: “ Satu hak yang wajib pada harta.”⁷

Dari beberapa ta’rif zakat di atas, kita dapat mengambil beberapa maklumat tentang zakat. Yang pertama; Zakat diambil daripada harta yang tertentu, oleh kerana itu tidak semua jenis harta yang wajib dikeluarkan zakat. Yang kedua; Zakat wajib dikeluarkan jika telah memenuhi syarat-syaratnya yang tertentu. Jika belum cukup syaratnya maka tidak wajib zakat. Yang ketiga; Zakat diagihkan kepada golongan yang tertentu sebagaimana termaktub dalam surah al-Taubah: 60.

Dariuraian di atas, dapat diambil kesimpulan dalam menjelaskan definisi zakat iaitu mengeluarkan sebahagian daripada harta yang tertentu jika telah memenuhi syarat-syarat yang tertentu dan diagihkan kepada golongan tertentu.

2.2.3 Zakat Pertanian

Tanah merupakan aset semula jadi yang telah diciptakan Allah s.w.t. untuk semua makhluk yang hidup di permukaan bumi. Allah s.w.t. telah menyebutkan bagaimana Allah menjadikan tanah dan segala apa yang tumbuh di atasnya untuk kegunaan manusia dan semua makhluk hidup. Allah s.w.t. berfirman;

⁶ Ahmad bin Turki al-Mālikī (2003), *Khulāṣah Jawāhir al-Zakiyyah fī fiqh al-Mālikiyah*. Abu Ḥāfiẓ: Dār al-Kutub al-Waṭaniyyah, h. 37.

⁷ Ibn Qudāmah, Abū Muḥammad ‘Abd Allah bin Aḥmad (1972), *al-Mughnī wayalīhi Syarḥ al-Kabīr*, j. 2. Lubnan: Dār al-Kitāb al-‘Arabi, h. 433.

وَهُوَ الَّذِي أَنْشَأَ جَنَّاتٍ مَعْرُوفَاتٍ وَغَيْرَ مَعْرُوفَاتٍ وَالنَّخْلَ وَالرَّزْعُ مُخْتَلِفًا أُكْلُهُ وَالَّذِي تُؤْتَونَ
وَالرُّمَّانَ مُمْتَشَابًا وَغَيْرَ مُمْتَشَابٍ كُلُّوا مِنْ ثُمَرِهِ إِذَا أَتَمْ رَوَاتُهُ حَقًّهُ يَوْمَ حَصَادِهِ وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّهُ لَا
يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ

Maksudnya: “ Dan Dia lah (Allah) yang menjadikan (untuk kamu) kebun-kebun yang menjalar tanamannya dan yang tidak menjalar; dan pohon-pohon tamar (kurma) dan tanaman-tanaman yang berlainan (bentuk, rupa dan) rasanya; dan buah zaitun dan delima, yang bersamaan (warnanya atau daunnya) dan tidak bersamaan (rasanya). makanlah dari buahnya ketika ia berbuah, dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya; dan janganlah kamu melampau (pada apa-apa juga yang kamu makan atau belanjakan); Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampau.”

(Surah al-An’am: 141)

Rasulullah s.a.w. pula telah menyatakan betapa pentingnya tanah dan mendorong manusia agar lebih memerhatikan dan mengusahakannya serta melarang manusia membiarkan tanah terbiar begitu sahaja tanpa mengusahakannya. Dalam satu hadis disebutkan;

قال النبي صلى الله عليه وسلم من كانت له أرض فليزرعها أو ليمنحها فان لم يفعل فليمسك
أرضه

Maksudnya: “ Barang siapa yang mempunyai tanah hendaklah ia menanaminya atau memberikan kepada orang lain untuk diusahakan dan jika dia enggan maka ambillah tanahnya.”⁸

Walaupun Allah s.w.t. telah memberikan mandat kepada manusia untuk memiliki tanah dan menggunakan tanah tersebut mengikut kemahuannya, akan tetapi mereka mesti sedar bahawa mereka hanya sekadar pentadbir milik Allah s.w.t.. Demikian juga penggunaan tanah tersebut mestilah selari dengan kehendak dan peraturan yang telah

⁸ Al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā’il (t.t.), *al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ*, “kitāb al-ḥirs wa al-muzāra’ah”, no. hadith 2340. j. 2. Kāhirah: al-Maṭba’ah al-Salafiyah wa maktabatuhā , h. 158.

ditetapkan Allah s.w.t. Maka dengan itu, manusia memiliki tanggungjawab kepada Allah s.w.t. dengan mengeluarkan zakat pertanian kepada golongan yang berhak menerima zakat. Ini adalah kerana harta kekayaan yang mereka miliki adalah satu amanah daripada Allah s.w.t. dan perlu digunakan dalam mencapai kebahagiaan dan kejayaan di akhirat kelak.

2.2.3.1 Pengertian Zakat Pertanian

Para Fuqaha' berbeza pendapat dalam definisi zakat pertanian dan jenis pertanian yang diwajibkan zakat. Di kalangan mazhab Syafi'i lebih dikenali dengan kata *zakāh al-zurū'* wa *al-thimār*. Imam Syirāzī dalam kitab majmu' menyebutkan dengan *zakāh al-zurū'* wa *al-thimār*. Yang dimaksudkan dengan *zakāh al-zurū'* ialah:

“Setiap yang tumbuh di atas permukaan bumi yang diusahakan oleh manusia dari biji-bijian yang dapat disimpan”⁹

Sedangkan yang dimaksud dengan *zakāh al-thimār* ialah:

“ Tamar dan anggur kering.”¹⁰

Imam Sahnūn di dalam kitab al-Mudawwanah al-Kubra menyebutnya dengan perkataan *zakāh al-khuḍr wa al-fawākih*. Imam malik mengatakan yang dimaksud dengan *al-khuḍr* ialah:

“ Sayuran hijau semuanya termasuk sayuran, herba, bawang merah, tembikai, timun dan yang sejenisnya daripada sayur-sayuran tidak wajib padanya zakat dan tidak juga pada harganya sehingga berlalu pada harganya selama setahun”

Sedangkan yang dimaksud dengan *al-fawākih* ialah:

⁹ al-Nawawī (t.t.), *op.cit.*, j.5, h. 468.

¹⁰ *Ibid.*, h. 430.

“ Buah – buahan semuanya seperti kacang walnut, badam, buah tin dan segala jenis buah yang dapat dikeringkan dan disimpan tidak wajib padanya zakat sehingga lalu satu tahun.”¹¹

Di kalangan mazhab Hanafi pula lebih terkenal dengan sebutan *al-‘Usyr*. Imam Abu Hanifah berkata dalam menerangkan *zakāh al-zurū’ wa al-tsimār*:

“ Setiap yang dikeluarkan oleh hasil bumi sedikit atau banyak dengan kawalan wajib dikenakan zakat sepuluh peratus sama ada diari dengan air hujan ataupun dengan pengairan buatan kecuali candu, kayu dan rumput.”¹²

Imam al-Bahūtī telah menyebutkan mengenai zakat pada setiap yang dikeluarkan oleh bumi iaitu:

“ wajib zakat pada setiap tanaman yang dapat ditimbang dan dapat disimpan sebagaimana di dalam hadis ‘ tidak wajib zakat pada tanaman yang kurang daripada 5 wasaq’ maka hal ini menunjukkan bahawa tanaman yang tidak dapat ditimbang tidak termasuk kedalam keumuman ayat dan hadis tersebut”¹³

Dariuraian di atas dapat disimpulkan bahawa di dalam menerangkan definisi zakat pertanian para ulama berbeza pendapat dalam menetapkan erti sebenar zakat pertanian sesuai dengan perbezaan pendapat mereka mengenai jenis pertanian yang wajib dikeluarkan zakat, sehingga penulis agak susah dalam menyimpulkan semua pendapat tersebut dan menjadikannya menjadi satu definisi yang *jāmi’* (menyeluruh) dan *māni’* (terbatas).

Walaupun demikian penulis memberikan satu definisi zakat pertanian iaitu:

“ Mengeluarkan sebahagian daripada hasil bumi yang diusahakan oleh manusia dari biji-bijian, buah-buahan atau mana-masa hasil pertanian yang dapat menghasilkan dan mempunyai manfaat serta memenuhi syarat, rukun dan sebab diwajibkan zakat.”

¹¹ Saḥnūn, Abd al-Salām bin Sa’īd bin Ḥabīb al-Tanūkhī (t.t), *al-Mudawwanah al-Kubrā li al-Imām Mālik bin Anas*, j. 1. Beirut: Dār Ṣadir. h. 294.

¹² Al-Ḥumām, Kamāl al-Dīn Muḥammad bin ‘Abd al-Wāhid (1315 h.), *Fatḥ al-Qadīr*, j. 2. Mesir : Matba’ah Kubra al-Amīriyyah, h. 2.

¹³ Al-Buḥūtī, Maṇṣūr bin Yūnus bin Idrīs (2003), *Kasyāf al-Qinā*, j. 3. Riyad: Dār ‘Alam al-Kutub. h. 843.

2.3 Dalil Wajib Zakat Pertanian

2.3.1 Dalil al-Qur'an

Allah s.w.t. telah mewajibkan zakat pertanian melalui firmanNya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَنْفَقُوا مِنْ طَبِيعَاتِ مَا كَسَبُتُمْ وَمِمَّا أَخْرَجْنَا لَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ وَلَا تَيْمَمُوا
الْحَبْيَثَ مِنْهُ تُنْفِقُونَ وَلَسْتُمْ بِآخِذِيهِ إِلَّا أَنْ تُعْمِلُوهُ فِيهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ عَلِيٌّ حَمِيدٌ

Maksudnya: “ Wahai orang-orang Yang beriman! belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik, dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu. Dan janganlah kamu sengaja memilih yang buruk daripadanya (lalu kamu dermakan atau kamu jadikan pemberian zakat), padahal kamu sendiri tidak sekali-kali akan mengambil yang buruk itu (kalau diberikan kepada kamu), kecuali dengan memejamkan mata padanya. dan ketahuilah, sesungguhnya Allah Maha Kaya, lagi sentiasa Terpuji.”

(al-Baqarah: 267)

Ibn ‘Abbas berkata Allah s.w.t. dalam ayat ini memerintahkan kepada manusia untuk mengeluarkan sebahagian dari harta yang baik-baik.¹⁴ Dalam ilmu Uṣul fiqh (الأمر للوجوب) mengeluarkan sebahagian dari harta (أنفقوا) adalah perintah wajib mengeluarkan zakat.¹⁵

Dalam ayat lain Allah s.w.t. berfirman:

¹⁴ Al-Dimisyqī, Abū al-Fidā’ Isma’īl bin Umar bin Kathīr al-Qursyī (t.t.), *Tafsīr Qurān al-‘Azīm*, j.2. Jedah: Dār Ṭayyibah li al-Naṣri wa al-Tauzī’, h. 697.

¹⁵ Yūsuf al-Qaraḍāwī (2006), *Fiqh al-Zakāh*, j.1, c. 25. Kāhirah: Maktabah Wahbah, h. 355.

وَهُوَ الَّذِي أَنْشَأَ جَنَّاتٍ مَعْرُوشَاتٍ وَغَيْرَ مَعْرُوشَاتٍ وَالنَّخْلَ وَالرَّزْعَ مُخْتَلِفًا أُكُلُهُ وَالرَّبْطُونَ وَالرُّمَّانَ
مُتَشَابِهًًا وَغَيْرُ مُتَشَابِهٍ كُلُوا مِنْ شَيْءٍ إِذَا أَئْتُمْ وَآتُوا حَقَّهُ يَوْمَ حَصَادِهِ وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ
الْمُسْرِفِينَ

Maksudnya: “Dan Dia lah (Allah) yang menjadikan (untuk kamu) kebun-kebun yang menjalar tanamannya dan yang tidak menjalar; dan pohon-pohon tamar (kurma) dan tanaman-tanaman yang berlainan (bentuk, rupa dan) rasanya; dan buah zaiton dan delima, yang bersamaan (warnanya atau daunnya) dan tidak bersamaan (rasanya). makanlah dari buahnya ketika ia berbuah, dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya; dan janganlah kamu melampau (pada apa-apa juga yang kamu makan atau belanjakan); Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampau.”

(al-An'am: 141)

Kebanyakan ulama salaf berkata yang dimaksud dengan (حَقَّهُ) disini ialah

zakat yang diwajibkan 1/10 atau 1/20. Diriwayatkan oleh Abū Ja'far al-Tabri dari Anas bin Mālik dalam menafsirkan ayat berkata: “ Yang dimaksud ialah zakat yang diwajibkan.” Diriwayatkan juga dari Jābir bin Zaīd, Sa'īd bin Musayyab, Muḥammad bin Ḥanafiyyah, Ṭawus, Qatadah, dan Ḍahak berkata mereka: “ Yang dimaksud ialah zakat atau sedekah yang wajib 1/10 atau 1/20.” Walaupun berbeza lafaz akan tetapi maksudnya sama.¹⁶

2.3.2 Dalil al-Sunnah

Diriwayatkan oleh Ibn ‘Abbas berkata Nabi Muhammad s.a.w. bersabda:

فِيمَا سَقَتِ السَّمَاءُ وَالْعَيْنُ أَوْ كَانَتْ عَثْرَيَا: الْعَشْرُ وَفِيمَا سُقِيَ بِالنَّضْحِ: نَصْفُ الْعَشْرِ

¹⁶ Ibn Kathīr, Muḥammad bin Jarīr bin Yazīd (2000), *Jamī’ al-Bayān fī Tafsīr al-Qurān*, j.12. Jedah: Muassasah al-Risālah, h. 158-161.

Maksudnya: “ Tanaman yang disirami air hujan dan mata air atau air tanah (iaitu air yang datang sendiri) dikenakan satu persepuuh (10%) dan tanaman yang disirami dengan (usaha) penyiraman dikenakan satu perduapuluh (5%).”¹⁷

Dari Jābir bin ‘Abdillāh berkata bahwasanya Dia mendengar Nabi s.a.w. bersabda:

لَيْسَ فِيمَا سُقِتَ السَّمَاءُ وَالْغَيْمُ الْعَشَرُ وَفِيمَا سُقِيَ بِالسَّانِيَةِ نَصْفُ الْعَشَرِ

Maksudnya: “ Tanaman yang disiram dengan air hujan atau air sungai dikenakan satu persepuuh (10%) dan tanaman yang disiram dengan alat pengairan dikenakan satu perduapuluh (5%).”¹⁸

2.3.3 Dalil Ijma’

Adapun dalil daripada ijma’ bahwasanya para ulama telah sepakat mewajibkan zakat pertanian iaitu sebanyak satu persepuuh pada tanaman yang disirami air hujan, mata air atau air sungai dan satu perduapuluh pada tanaman yang disiram dengan (usaha) penyiraman. Sekalipun mereka berbeza pandangan tentang jenis tanaman yang diwajibkan zakat padanya.¹⁹

2.4 Jenis – Jenis Zakat Pertanian

Sekalipun seluruh ulama sepakat akan kewajipan zakat pertanian, akan tetapi mereka berbeza pendapat dalam penggolongan jenis hasil pertanian yang wajib dikeluarkan zakat. Sebahagian ulama (Mazhab Ibn Umar dan segolongan ulama salaf) ada yang berpendapat bahawa zakat pertanian hanya diwajibkan kepada jenis-jenis pertanian yang ada dalam nas hadis sahaja. Sebahagian yang lain (Mazhab Malik dan Syaffi’i) menyatakan

¹⁷ Al-Bukhārī (t.t.), *op.cit*, “ Kitāb al-zakāh”. No. hadith. 1483. j. 1, h. 460.

¹⁸ Muslim bin al-Hajjāj (1998), *Ikmāl al-Mu’allim bi Fawāid al-Muslim*, “ Bāb mā fīhi al-‘usyru aw niṣfu al-‘usyri”. No. hadith. 981. j. 3. Mansurah: Dār al-Wafā’ li Ṭabā’ah wa al-Naṣr wa al-Tauzī’ h.67.

¹⁹ Al-Kāsānī, Imām ‘Ala al-Dīn Abī Bakr bin Mas’ūd (1973), *Badā’i’ al-Ṣanā’i’ fi Tartīb al-Syarā’i’*, j. 2, c. 2. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Araby/i, h. 54.

pada setiap jenis tanaman yang merupakan makanan asasi daripada biji-bijian dan dapat disimpan. Sebahagian yang lain pula (Mazhab Ibn Ahmad) berpendapat pada setiap tanaman yang kering, tahan lama dan dapat di timbang. Imam Hanafi berpandangan lebih kedepan berbanding dengan ulama yang sezamannya. Beliau mewajibkan zakat pada setiap tanaman yang diusahakan oleh manusia baik berupa biji-bijian, buah-buahan dan segala yang dihasilkan oleh bumi dan dapat disuburkan kecuali kayu, candu dan rumput.

Secara garis besarnya perbezaan pendapat ulama dalam masalah jenis zakat pertanian dapat dibahagikan kepada 4 golongan;

1. Mazhab Ibn Umar dan segolongan ulama salaf

Ibn Umar dan sebahagian tabi'in mengatakan bahawa tidak wajib zakat pertanian daripada biji-bijian kecuali pada һintah (sejenis gandum) dan barli dan tidak wajib zakat pada buah-buahan kecuali pada kurma dan anggur kering. Pendapat ini diriwayatkan oleh Aḥmad, Müsa bin Ṭalḥah, Ḥasan, Ibn Sīrīn, Sya'bi, Ḥasan bin Ṣāliḥ, Ibn Abī Laila, Ibn al-Mubārak dan Abī 'Ubaid.²⁰

Adapun hujah yang mereka sampaikan berdasarkan:

1. Hadis yang diriwayatkan oleh Imam Dār al-Quṭni dari umm al-mukminīn 'Aisyah berkata:

((... و جرت السنة من نبی اللہ صلی اللہ علیہ وسلم فیما اخراجت الارض المخطة والشعیر والزیب والتمر اذا بلغ خمسة او سق...))

²⁰ Ibn Ḥazm, Abī Muḥammad 'Ali bin Aḥmad bin Sa'īd (t.t.), *al-Muḥalla*, j. 5, Kāhirah: Matba'ah al-Naḥḍah, h. 209.

Maksudnya: “ Telah berjalan sunnah dari Nabi s.a.w. pada setiap yang dikeluarkan oleh bumi iaitu gandum, barli, anggur kering dan tamar jika telah sampai 5 wasaq...”²¹

2. Hadis yang diriwayatkan oleh Umar bin ‘Usman dari Mūsā bin Ṭalḥah berkata:

عندنا كتاب معاذ عن النبي صلی الله عليه و سلم : أنه إنما أخذ الصدقة من الحنطة والشعير والزبيب والتمر

Maksudnya: “ Kami mempunyai surat Mu’az dari Rasulullah s.a.w. bahwasanya zakat hanya diambil dari ḥinṭah, barli, zabīb dan tamar.”²²

Imam Ibn Hizam berkata, “ Tidak wajib zakat kecuali pada 8 jenis harta iaitu; emas, perak, gandum, barli, tamar, unta, lembu dan kambing. Tidak ada perbezaan pendapat di kalangan sarjana islam tentang kewajipan zakat terhadap ke delapan jenis harta tersebut akan tetapi mereka berbeza pendapat pada jenis harta yang lain.”²³

2. Mazhab Malik dan Syafi’i

Imam Malik²⁴ dan Imam Syafi’i²⁵ berpendapat bahawa zakat wajib pada setiap makanan asasi dan tahan lama serta boleh dikeringkan dari jenis biji-bijian dan buah-buahan seperti gandum, jagung, beras dan sebagainya. Manakala buah-buahan pula hanya diwajibkan ke atas kurma dan anggur sahaja. Imam Khatīb al-Sharbīnī berkata:

²¹ Ali bin ‘Umar al-Dār al-Quṭnī (2004), *Sunān al-Dār al-Quṭnī*, “ Bāb fī qadri al-ṣadaqah... ”. No. hadith. 2028 j. 3. Beirut: Muassasah al-Risālah, h. 41.

²² Imam Ḥakīm, Abī ‘Abd Allāh al-Naisabūrī (1997), *al-Mustadrak ‘alā al-Ṣahīḥain*, “ kitāb al-zakah ”. No. hadith. 1458. j. 1. Kāhirah: Dār al-Ḥaramain li al-Ṭabā’ah wa al-Tauzī , h. 556.

²³ Ibn Ḥazm (t.t). *op.cit*, h. 209.

²⁴ Mālik bin Anas (1999), *al-Muwatṭa*’, j. 1. Lubnan: Dār al-Ma’rifah. h. 251.

²⁵ Al-Syafi’i, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Idrīs (2001), *al-Umm*, j. 3. Maṇṣurah: Dār al-Wafā’ lī al-Ṭabā’ah wa al-Naṣri wa al-Tauzī . h. 87.

“ Zakat tanaman hanya wajib pada makanan asasi sahaja; pada buah-buahan iaitu: tamar dan anggur kering, dan pada biji-bijian iaitu: biji gandum, gandum, beras, adas dan segala jenis makanan asasi. Dan dalam mazhab qadim; wajib zakat pada zaitun, za’faran, qurtum dan madu.”²⁶

Maka menurut Imam Syafi’i dan Imam Malik tidak wajib zakat pada kelapa, kacang, biji keras dan yang sejenisnya, walaupun tanaman tersebut tahan lama, akan tetapi tidak termasuk makanan asasi manusia. Begitu juga tidak wajib zakat pada buah-buahan seperti epal, rambutan, jambu, mangga, oren dan yang sejenisnya kerana buah-buahan tersebut tidak dapat dikeringkan dan tidak tahan lama.

Ibn Rusyd merekodkan dalam kitabnya seperti berikut:

وَمَا مَا اخْتَلَفُوا فِيهِ مِنَ النَّبَاتِ بَعْدَ اتْفَاقِهِمْ عَلَى الْأَصْنَافِ الْأَرْبَعَةِ الَّتِي ذَكَرْنَا هَا فَهُوَ جِنْسُ النَّبَاتِ الَّذِي تَحْبُّ فِيهِ الزَّكَاةَ فَمِنْهُمْ مَنْ لَمْ يُرِدِ الزَّكَاةَ إِلَّا فِي تِلْكُ الْأَرْبَعِ فَقْطًا وَبِهِ قَالَ أَبُو لَيْلَى وَسَفِيَانُ الشَّوَّرِيْ وَابْنُ الْمَبَارِكَ وَمِنْهُمْ مَنْ قَالَ: الزَّكَاةُ فِي جَمِيعِ الْمَدْخَرِ الْمَقْنَاتِ مِنَ النَّبَاتِ وَهُوَ قَوْلُ مَالِكٍ وَالشَّافِعِيِّ وَمِنْهُمْ مَنْ قَالَ: الزَّكَاةُ فِي كُلِّ مَا تَخْرُجُهُ الْأَرْضُ مَا عَدَا الْحَشِيشَ وَالْحَطْبَ وَالْقَصْبَ وَهُوَ أَبُو حَنِيفَةَ

“ Tanaman yang mereka berselisih pendapat selepas mereka bersepakat ke atas empat jenis makanan yang telah kami terangkan, ia adalah jenis-jenis tanaman yang wajib zakat. Maka Sebahagian ulama tidak mewajibkan zakat melainkan pada empat jenis itu sahaja. Ini adalah pendapat Ibn Abi Laila, Sufyan al-Thauri dan Ibn al-Mubarak. Sebahagian daripada ulama menyatakan wajib zakat ke atas semua jenis makanan asasi dan tahan lama. Ini adalah pendapat Imam malik dan Syafi’i. Sebahagian yang lain pula berpendapat bahawa zakat dikenakan keatas semua jenis tanaman yang tumbuh di atas permukaan bumi kecuali rumput, kayu api dan tebu. Ini adalah pendapat Abu Hanifah.²⁷

Adapun Hujah yang mereka sampaikan berdasarkan:

²⁶ Khaṭīb al-Sharbīnī, Muḥammad bin Aḥmad (1997), *Mughnī al-Muhtaj*, j. 1, Beirut: Dār al-Ma’rifah, h. 565,566.

²⁷ Al-Qurtubī, Muḥammad bin Aḥmad bin Rusyd (1974), *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid*, j. 1, c. 4. Kāhirah: Matba’ah Muṣṭafā al-bābī wa awlādīhi, h. 184.

1. Hadis riwayat Mu'az bin Jabal berkata Nabi Muhammad s.a.w. bersabda:

... فَإِنَّ الْقَتَاءِ وَالْبَطِيخَ وَالرَّمَانَ وَالْقَصْبَ وَالْخَضْرَ فَعُفْوٌ عَنْهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Maksudnya: “ Adapun mentimun, tembikai, tebu dan sayur-sayuran tidak wajib zakat kerana Rasulullah s.a.w. memaafkannya.”²⁸

Imam Nawawi berkata hadis Mu'az ini adalah hadis *mursal* sebagaimana yang diriwayatkan oleh Baihaqi. Manakala dalam hadis yang diriwayatkan oleh Tirmizi bahwasanya Mu'az bin Jabal mengirim surat kepada Rasulullah s.a.w. menanyakan tentang zakat sayur-sayuran, Nabi Muhammad s.a.w. bersabda “ Tidak wajib padanya zakat.” Imam Tirmizi berkata sanad hadis ini tidak *sahīh*. Imam Baihaqi berkata semua hadis di atas ialah hadis *mursal* akan tetapi dari sanad yang berbeza maka hadis-hadis tersebut saling menguatkan antara satu dengan yang lain. Begitu juga yang diriwayatkan oleh 'Ali, Umar dan Aisyah r.a.²⁹

2. Dikhususkan pada makanan asasi kerana makanan asasi merupakan makanan yang *daruri* (tidak dapat hidup tanpanya). Oleh sebab itu syarak mewajibkan zakat padanya kerana jenis makanan tersebut daripada makanan yang *daruri*, lain halnya dengan makanan yang lain yang merupakan makanan sampingan untuk sekadar menikmati seperti buah tin dan delima.³⁰

²⁸ Al-Nawawī (t.t.) *op.cit.*, j. 5, h. 468.

²⁹ *Ibid.*

³⁰ Khatīb al-Syarbīnī (1997), *op.cit.*, h. 565.

Yūsuf al-Qaraḍāwī mengatakan; kedua-dua dalil tersebut tidak dapat mengalahkan keumuman al-Qur'an dan hadis yang menyatakan wajib zakat pada setiap jenis tanaman yang tumbuh dipermukaan bumi dan tanaman yang disirami hujan.³¹

3. Mazhab Imam Aḥmad

Imam Aḥmad bin Ḥanbal berpendapat bahawa zakat wajib dikenakan ke atas setiap tanaman, sama ada dari jenis biji-bijian atau buah-buahan dengan syarat tanaman tersebut bersifat tahan lama, boleh dikeringkan dan boleh disukat.³²

Abu Qāsim mencatatkan dalam kitab *mughni*:

“ Setiap tanaman yang tumbuh dipermukaan bumi yang dapat dikeringkan dan tahan lama serta boleh disukat maka wajib padanya zakat.”³³

Ibn Qudāmah berkata:

“ Wajib zakat pada tanaman yang memenuhi sifat-sifat berikut iaitu: boleh disukat, tahan lama dan boleh dikeringkan. Daripada jenis biji-bijian dan buah-buahan yang dimajukan oleh manusia di atas tanah milik sendiri. Hasil tanaman tidak disyaratkan daripada jenis makanan asasi seperti gandum, beras dan jagung, atau daripada jenis biji-bijian (kacang-kacangan) seperti ketumbar dan ‘adas, atau daripada jenis buah-buahan seperti tamar, anggur kering, kismis, tin, badam, *hazel-nut*, kacang cerdik.”³⁴

Dalil pendapat ini berdasarkan:

1. Keumuman hadis “ ... dan pada yang disirami air hujan sepuluh peratus.”³⁵

³¹ Yūsuf al-Qaraḍāwī (2006), *op.cit.*, h. 363.

³² Al-Buḥutī (2003), *op.cit.*, h. 844.

³³ Ibn Qudāmah, Abī Muḥammad ‘Abdullah bin Aḥmad (t.t.), *al-Mughnī*, j. 4. Riyad: Dār ‘Alam al-Kutub, h. 155.

³⁴ *Ibid.*

³⁵ *Ibid.*, h. 157.

2. Dan juga hadis Nabi s.a.w. kepada Mu'az ketika Nabi s.a.w. mengutusnya ke Yaman:

((عَنْ عَطَاءِ بْنِ يَسَارٍ عَنْ مُعاذِ بْنِ جَبَلٍ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعَثَهُ إِلَى الْيَمَنِ فَقَالَ خُذْ الْحُبَّ مِنْ الْحُبَّ ...))

Maksudnya: “ Dari ‘Atā’ bin Yasār dari Mu’az bin jabal bahwasanya Rasulullah s.a.w. mengutusnya ke Negeri Yaman dan bersabda ‘ Ambillah zakat biji-bijian daripada biji-bijian juga.”³⁶

Kedua hadis ini menunjukkan wajib zakat pada setiap tanaman yang disirami hujan dan yang tidak termasuk di dalamnya ialah tanaman yang tidak boleh disukat dan yang bukan daripada jenis biji-bijian, berdasarkan hadis dari Abi Sa’id al-Khudri:

((أَنَّ النَّيَّرَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَيْسَ فِي حَبَّٰ وَلَا تَمْرٌ صَدَقَةٌ حَتَّى يَبْلُغَ خَمْسَةً أَوْ سُقِّيَ ...))

Maksudnya: “ Bahwasanya Nabi s.a.w. bersabda: tidak wajib zakat pada biji-bijian dan tamar sehingga sampai 5 wasaq.”³⁷

Hadis ini menunjukkan bahawa zakat tidak wajib pada tanaman yang tidak boleh disukat, adapun yang boleh disukat maka tetap pada keumuman hadis iaitu wajib zakat padanya.

4. Mazhab Abu Ḥanifah

Imam Abu Ḥanifah mengatakan bahawa wajib zakat sebanyak sepuluh peratus pada setiap tanaman yang dihasilkan daripada bumi sedikit ataupun banyak sama ada disirami dengan air hujan ataupun dengan air buatan kecuali kayu, candu dan rumput. Hal ini disebabkan jenis tanaman tersebut tidak biasa ditanam oleh manusia, akan tetapi jikalau

³⁶ Abī ‘Abdillah Muḥammad bin Yazīd al-Qazwaynī (t.t.), *op.cit.*, j. 4, h.400.

³⁷ Muslim bin al-Hajjāj(1998), *op.cit.*, “ *Kitāb al-zakāh*”. j. 3, h. 67.

seseorang menanam di tanahnya asas kayu atau rumput dengan maksud mangambil manfaat daripadanya maka wajib zakat padanya.³⁸

Pendapat ini juga diriwayatkan oleh Ibrahim, Mujāhid, Ḥammad, Ja'far dan juga pendapat Umar bin ‘Abdul ‘Aziz. Pendapat ini juga diriwayatkan oleh ‘Abdullah bin ‘Abbas. Ibn Munzir berkata kami tidak mengetahui seseorangpun yang berpendapat sedemikian melainkan Nu'man. Perkataan ini di sanggah oleh al-Saruji yang mengatakan,

“ Sesungguhnya Ibn Munzir telah berdusta, Dia sebenarnya mengetahui orang lain yang berpendapat seperti pendapat Abu Hanifah, Dia berkata demikian disebabkan oleh ta’assub.”³⁹

Abu Yūsuf dan Muḥammad bin Ḥasan al-Shaybani berbeza pendapat dengan Abu Hanifah. Mereka mengatakan wajib zakat pada jenis tanaman yang boleh disimpan selama satu tahun tanpa pengawetan. Sama ada ia dari jenis yang boleh disukat seperti biji-bijian atau ditimbang seperti kapas dan gula. Jika ia bukan daripada jenis yang boleh disimpan selama satu tahun, seperti timun, petola, tembakai dan sebagainya, daripada buah-buahan dan sayur sayuran maka ia tidak wajib dikenakan zakat.⁴⁰

Menurut Imam Abu Hanifah, wajib zakat pada setiap yang tumbuh di atas permukaan bumi daripada semua jenis buah-buahan seperti epal, kumsari, kukh, tin, mangga dan sebagainya. Sama ada buah tersebut dapat dikeringkan ataupun tidak. Begitu juga wajib zakat pada setiap jenis sayur-sayuran seperti timun, tembakai, terung, lobak, dan sebagainya. Hal ini kerana sebab kewajiban zakat bagi tanaman ialah tanah yang

³⁸ Al-‘Ainī (1990), *op.cit.*, j. 3, h. 491

³⁹ *Ibid.*, h. 493.

⁴⁰ Sayyid Sabiq (t.t.), *Fiqh al-Sunnah*, j. 1. Kāhirah: al-Fath li I'lām al-‘Araby/i, h. 250

mengeluarkan/menumbuhkan tanaman sehingga jikalau tanaman tersebut rusak atau binasa maka tidak wajib zakat padanya.⁴¹

Hujah pendapat ini berdasarkan:

1. Keumuman ayat surah al-Baqarah ayat 267 yang ertinya, “ ...dan dari apa yang Kami keluarkan dari bumi...” Ayat ini tidak membezakan antara tanaman yang satu dengan yang lain.⁴²
2. Firman Allah Ta’ala dalam surah al-An’am 141 yang ertinya “...dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya...” Ayat ini sebelumnya menyebutkan jenis-jenis makanan dari kebun-kebun yang menjalar dan tidak menjalar, pohon kurma, tanam-tanaman yang berlainan bentuk rupa, buah zaitun dan delima.⁴³
3. Hadis yang diriwayatkan Yunus bin Yazid daripad Zuhri daripad Salim daripada Abdullah daripada Ayahnya berkata, Nabi s.a.w. bersabda:

فِيمَا سَقَتِ السَّمَاءُ وَالْعُيُونُ أَوْ كَانَ عَثِيرًا الْعُشْرُ وَمَا سُقِيَ بِالنَّصْحِ نِصْفُ الْعُشْرِ

Maksudnya: “ Dari setiap yang disiram dari langit dan mata air (wajib zakat) sepuluh peratus dan yang disirami dengan pengairan yang diusahakan manusia (wajib zakat) seperduapuluhan (1/20).”⁴⁴

Semua ini menunjukkan keumuman apa yang tumbuh di atas permukaan tanah dan keumuman atas semua tanaman yang disirami air hujan, mata air atau pengairan yang diusahakan manusia. Hadis ini tidak membezakan antara yang tahan lama atau tidak tahan

⁴¹ Al-Kāsānī (1974), *op.cit*, h. 54.

⁴² *Ibid.*, h. 53.

⁴³ *Ibid.*

⁴⁴ Al-Bukhārī (t.t.), *op.cit*, “ Kitāb al-Zakāh”. No. hadith. 1483. j. 1, h. 460.

lama, yang dimakan atau tidak dimakan, yang menjadi makanan asasi atau bukan makanan asasi.

2.4.1 Kesimpulan

Apabila diteliti dalil-dalil yang telah disampaikan oleh para ulama dalam menentukan jenis hasil pertanian yang wajib dikenakan zakat, maka penulis lebih cenderung kepada pendapat Mazhab Abu Hanifah yang juga selari dengan pendapat Umar bin Abdul ‘Aziz, Mujahid, Hammad, Dawud dan Nukh’i iaitu wajib zakat pada setiap tanaman yang tumbuh di atas permukaan tanah. Dilihat daripada keumuman nas-nas al-Qur'an dan hadis dan keumuman tersebut tidak dapat disanggah oleh hadis-hadis yang lain. Pendapat ini juga selari dengan hikmah diwajibkannya zakat.

Adapun hadis-hadis yang menghadkan zakat hanya pada empat makanan asasi sahaja, hadis-hadis tersebut tidak dapat diterima kerana terdapat banyak kecacatan,⁴⁵ terkadang hadisnya *munqati'* (terputus), atau *da'if*. Ibn ‘Arabī berkata:

“Pendapat yang paling kuat dalam masalah zakat tanaman adalah mazhab Abu Hanifah berdasarkan dalil-dalil yang dinyatakan, lebih mengutamakan orang-orang miskin, yang paling sesuai untuk mensyukuri nikmat Allah s.w.t. dan pendapat ini sesuai dengan keumuman nas al-Qur'an dan hadis.”⁴⁶

Begitu juga pendapat Imam Ahmad yang mengatakan wajib zakat hanya kepada jenis tanaman yang boleh disukat sahaja adalah *da'if* (lemah), sebab zahir lafaz hadis yang merekajadikan dalil menunjukkan kepada kewajiban memenuhi nisab pada buah-buahan

⁴⁵ Yusuf al-Qarađāwī (2006), *op.cit.*, h. 366.

⁴⁶ Badr al-Dīn al-‘Ainī al-Ḥanafī (t.t.), ‘Umdah al-Qāri bi Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, j. 7, Kāhirah: Matba’ah Muṣṭafa al-bābī wa awlādihī, h. 63.

dan biji-bijian. Sedangkan tidak dikenakkannya zakat pada jenis tanaman yang tidak disukat tidak dinyatakan dalam hadis.

Kemudian pendapat Imam Syafi'i dan Imam Malik yang mewajibkan zakat tanaman pada makanan asasi sahaja hanyalah sekadar pendapat dari mereka berdasarkan pengambilan makna yang diambil dari hukum usul fiqh yang dinyatakannya di dalam kitab Qiyas.⁴⁷

Apabila dilihat daripada ‘illat yang disampaikan oleh sarjana Islam seperti Imam Syafi'i dan Imam Malik yang menetapkan bahawa tanaman yang boleh disimpan dan boleh dikeringkan sebagai sifat tanaman yang dikenakan zakat. Timbul persoalan kedudukan tanaman yang diproses menggunakan teknologi moden dan boleh juga disimpan dalam tempoh yang lama seperti buah-buahan yang ditinkan seperti laici, rambutan, nanas dan pelbagai jenis buah-buahan. Maka semestinya jenis buah-buahan tersebut juga wajib zakat memandangkan ianya boleh disimpan dan juga boleh dikeringkan.

Setelah diteliti kesimpulan tersebut, pendapat Imam Abu Hanifah yang mewajibkan zakat pada semua jenis tanaman adalah pendapat yang paling kuat. Dan apabila pendapat ini dihubungkan kepada situasi di Indonesia sekarang ini, kebanyakan petani yang mengeluarkan zakat ialah petani padi yang rata-rata tergolong kepada petani miskin. Sedangkan kebanyakan tanaman pada masa ini seperti epal, oren, salak, mangga, kelapa sawit, getah dan sebagainya telah dikomersilkan sehingga menghasilkan banyak keuntungan.

⁴⁷ Yūsuf al-Qaraḍāwī (2006), *op.cit.*, h. 367.

Adalah tidak sesuai jika pengusaha yang menanam tanaman selain padi yang memperoleh banyak keuntungan daripada projek tanaman mereka tidak dikenakan zakat, sedangkan petani padi yang hidup hanya dari hasil padi sahaja diwajibkan kepadanya zakat. Oleh itu penyelidik lebih cenderung untuk mewajibkan semua jenis tanaman jika tanaman tersebut diusahakan oleh manusia dan juga memenuhi syaratnya iaitu telah mencukupi nisab.

2.5 Nisab Zakat Pertanian

Dalam meletakkan nisab zakat pertanian sekurang-kurangnya terdapat tiga pendapat ulama. Pertama, menurut Jumhur Ulama, Sahabat, Tabi'in dan seluruh ahli ilmu menyatakan bahawa, zakat pertanian tidak wajib dikeluarkan kecuali apabila telah sampai nisabnya iaitu sebanyak lima wasaq. Pendapat Ini adalah pendapat Ibn Umar, Jābir, Ibn 'Ummāmah bin Sahl, Umar bin 'Abdul 'Azīz, Jābir bin Zaid, Ḥasan, 'Atā', Makhul, Nukhā'i, Mālik, penduduk Madinah, Tsauri, Auza'i, Ibn Abī Laila, Syafi'i, Abū Yūsuf, Muḥammad dan seluruh ahli ilmu.⁴⁸

Golongan di atas berpendapat berlandaskan hadis *sahih* yang diriwayatkan Abī Sa'īd al-Khudri berkata:

((أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَيْسَ فِيمَا دُونَ خَمْسَةَ أَوْ سُقِّيَ صَدَقَةً ...))

Maksudnya: “ Bahwasanya Rasulullah s.a.w. bersabda: Tidak wajib zakat pertanian daripada tamar yang kurang daripada lima wasaq...”⁴⁹

⁴⁸ Ibn Qudāmah (t.t.), *op.cit*, j. 4, h. 161.

⁴⁹ Al-Bukhārī (t.t.), *op.cit*, “Kitāb al-Zakāh” . no. hadith. 1484. j. 1, h. 460.

Kedua, pendapat Imam Abu Ḥanifah, menyatakan bahawa, wajib zakat terhadap sedikit dan banyak. Tidak diiktibarkan nisab dan juga haul. Dalil pendapat ini ialah berdasarkan kepada keumuman hadis *sahīḥ* yang riwayat Bukhārī dari Salim bin Abdullah:

"فِيمَا سَقَتِ السَّمَاءُ الْعَشْرُ"

Maksudnya: “ dan pada setiap yang disirami air hujan sepuluh peratus”

Adapun hadis yang menyatakan tidak wajib zakat jika kurang daripada 5 wasaq, maka dita’wilkan kepada zakat perniagaan, kerana dalam zakat perniagaan para penjual dan pembeli menghitung dengan menggunakan timbangan, sukatan dan harga satu wasaq sama dengan 20 dirham. Juga tidak diwajibkan *haul* pada setiap yang dikeluarkan oleh bumi, kerana maksud daripada haul adalah agar harta berkembang, sedangkan hasil pertanian berkembang terus dengan sendirinya tanpa menunggu setahun (*haul*).⁵⁰

Ibn Ḥazm berkata: Menurut Mujāhid, Ḥammad bin Abī Sulaiman Umar bin Abdul Azīz dan Ibrāhīm an-Nukha’i wajib zakat pada setiap yang dikeluarkan oleh bumi sedikit dan banyak.⁵¹

Ketiga, Dawud az-Zāhirī berkata: segala yang dapat ditimbang dan disukat maka tidak wajib zakat jika tidak mencapai 5 wasaq dan segala yang tidak dapat ditimbang dan disukat seperti kapas za’faran dan yang sejenisnya maka wajib zakat pada sedikit dan banyak.⁵² Pendapat ini menggabungkan antara dua hadis yang menyebutkan wajib zakat

⁵⁰ Ibn al-Ḥūmām (t.t.), *Fath al-Qādir*, j. 2, Kāhirah: Muṣṭafa Muḥammad, h. 113.

⁵¹ Ibn Ḥazm (t.t.), *op.cit*, j. 5, Beirut: Dār al-Fikri, h. 112.

⁵² Ibn al-Ḥūmām (t.t.), *op.cit.*, j.3, h. 115.

jika telah mencapai 5 wasaq dan keumuman hadis yang menyatakan pada setiap yang disirami oleh air hujan wajib zakat sepuluh peratus.

Menurut pendapat Yūsuf al-Qaraḍāwī:

Pendapat Imam Abū Ḥanīfah cenderung menyalahi hadis sahih yang tidak mewajibkan zakat kecuali jika telah sampai 5 wasaq, beliau juga seolah-olah menolak prinsip syariah yang mewajibkan zakat hanya kepada orang yang kaya sahaja, dan nisab merupakan ukuran untuk menentukan orang itu kaya atau tidak.⁵³

Dalam mentarjihkan suatu pendapat kita tidak boleh mengambil satu nas dan meninggalkan yang lain, berdasarkan kaedah Uṣul fiqh; “ Jika bertentangan dua nas selama masih boleh menyatukannya maka wajib menyatukannya”. Dalam masalah ini nas hadis riwayat Abū Sa’id adalah *khās* dan hadis riwayat Salim ‘am maka Jumhur Ulama mengutamakan hadis *khās* kerana hadis Abū Sa’id memperincikan keumuman hadis Salim.

Oleh itu, menurut penulis pendapat yang paling kuat dan sesuai untuk diamalkan adalah pendapat Jumhur Ulama yang menyatakan tidak wajib zakat pertanian kecuali telah mencapai 5 wasaq, kerana selari dengan prinsip-prinsip syariah yang mewajibkan zakat terhadap orang kaya untuk diagihkan kepada orang miskin.

2.6 Kadar Nisab Pertanian

Berdasarkan hadis yang diriwayatkan Abū Sa’id al-Khudri bahawa kadar nisab zakat pertanian ialah 5 wasaq. Ijma’ ulama menyatakan bahawa satu wasaq sama dengan 60 *shā’*, maka 5 wasaq bersamaan dengan 300 *shā’*. Berdasarkan hadis, “ wal-Wasqu

⁵³ Yūsuf al-Qaraḍāwī (2006), *op.cit.*, h. 372.

sittūna shā'an”.⁵⁴ Hasil pertanian yang dapat disukat dengan gantang menurut saiz gantang yang telah digunakan oleh Rasulullah s.a.w., Sahabat dan Tabi'in wajib mengikut kepada kadar ini. Akan tetapi dalam perbincangan mengenai kadar gantang yang dipakai oleh Rasulullah s.a.w. para ulama berbeza pendapat mengenainya.

Menurut Imam Abu Hanifah dan pengikutnya satu wasaq sama dengan 60 *shā'* menurut *shā'* Rasulullah s.a.w., satu *shā'* sama dengan 4 *amnā'*⁵⁵ atau bersamaan dengan 8 kati Baghdad kerana satu *amnā'* bersamaan dengan 2 kati Baghdad, maka 5 wasaq bersamaan dengan 1200 *amnā'* atau 2400 kati Baghdad. Imam Ḥalwānī berkata: Pendapat ini adalah berdasarkan pendapat penduduk Kufah. Sedangkan menurut pendapat penduduk Baṣrah: Satu wasaq bersamaan dengan 300 *amnā'*, maka 5 wasaq bersamaan dengan 1500 *amnā'*.⁵⁶

Mazhab Imam Syafi'i dan pengikutnya berpendapat lima wasaq sama dengan 1600 kati Baghdad, kerana satu wasaq bersamaan dengan 60 *sha'* berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Ḥibban.

عن أبي سعيد الخدري، قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: "ليس فيما دون خمس أواق صدقة، وليس فيما دون خمس ذود صدقة، وليس فيما دون خمس أوسق صدقة، والوسق ستون صاعاً

Maksudnya: “ Dari Abī Sa'īd al-Khudri berkata, Rasulullah s.a.w. bersabda tidak wajib zakat pada yang kurang dari 5 uqiyah, tidak wajib zakat pada

⁵⁴ Muḥammad bin Ḥibbān (1993), *Saḥīḥ Ibn Ḥibbān bi Tartīb Ibn Bilyān*,” Kitāb al-zakāh”. No. hadith. 3282. j. 8, c.2, Beirut: Muassasah al-Risālah, h. 76.

⁵⁵ *Amnā'* ialah sukatan yang digunakan pada masa lampau untuk menyukat dan menimbang, satu *amnā'* sama dengan dua kati menurut kati Baghdad, dan satu kati Baghdad sama dengan 12 uqiyah Baghdad. *Mu'jam al-Wasīt*.

⁵⁶ Ibn al-Humam (t.t.), *op.cit.*, j.3, h. 118.

yang kurang dari 5 ekor unta dan tidak wajib zakat pada yang kurang dari 5 wasaq dan satu wasaq bersamaan dengan 60 *sha'*.⁵⁷

Maka lima wasaq bersamaan dengan 300 *sha'*, satu *sha'* bersamaan dengan 4 mud, maka lima wasaq bersamaan dengan 1200 mud. Satu mud bersamaan dengan satu sepertiga kati Baghdad, maka lima wasaq bersamaan dengan 1600 kati Baghdad. Wasaq diukur berdasarkan kati Baghdad kerana kati Baghdad adalah kati syar'i yang digunakan Rasulullah s.a.w.⁵⁸ Sedangkan berdasarkan ukuran Damaskus lima wasaq bersamaan dengan 346 sepertiga kati Damaskus. Khatīb Syarbīnī berkata: yang paling sahīl ialah lima wasaq bersamaan dengan 342 enam pertujuh kati Damaskus kerana satu kati Baghdad bersamaan dengan 128 empat pertujuh dirham.⁵⁹

Pendapat ini selari dengan pendapat penduduk Hijaz daripada Imam Malik, Imam Ahmad dan yang lainnya yang menyatakan bahawa satu *sha'* bersamaan dengan 5 sepertiga kati Baghdad, kerana sukatani ini ialah sukatani yang digunakan oleh Rasulullah s.a.w. di Madinah dan diwariskan kepada orang-orang yang sesudahnya daripada para sahabat, tabi'in dan tabi' tabi'in. Berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Hibban.

عَنْ أَبْنَ عَبَّاسِ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "الْوَزْنُ وَزْنُ مَكَّةَ، وَالْمَكِيَالُ مَكِيَالٌ أَهْلُ الْمَدِينَةِ"

Maksudnya:” Timbangan adalah berdasarkan timbangan penduduk Mekkah dan gantang adalah berdasarkan gantang penduduk Madinah.”⁶⁰

Berdasarkan dalil dan hujah yang disampaikan oleh kedua pendapat di atas, dapat ditarjihkan bahawa penduduk hijaz daripada Imam Syafi'i, Imam

⁵⁷ Ibn Ḥibbān (1993), *op.cit*, h.76.

⁵⁸ Khatīb al-Syarbīnī (1997), *op.cit*, h. 566.

⁵⁹ *Ibid.*,

⁶⁰ Ibn Ḥibbān (1993), *op.cit*, “Kitāb al-Zakāh”. No. hadith. 3283. h.77.

Maliki, Imam Ahmad dan yang lainnya adalah yang paling rajih iaitu satu sha' bersamaan dengan 5 sepertiga kati Baghdad, kerana sukatan yang digunakan oleh penduduk Madinah adalah sukatan atau gantang yang digunakan pada masa Rasulullah s.a.w..

Oleh sebab itu 5 wasaq bersamaan dengan 300 sha' bersamaan dengan 1200 mud bersamaan dengan 1600 kati Baghdad. Ukuran ini adalah berdasarkan ukuran gantang pada masa lampau. Kalau kita suaikan dengan ukuran kati atau gantang pada masa sekarang maka dapat disesuaikan dengan ukuran kati Mesir.

Ukuran kati Baghdad berbanding dengan kati Mesir ialah 9/10 sebagaimana yang telah dinyatakan oleh ‘Ali Mubarak. Maka satu sha' bersamaan dengan 4.8 kati Mesir dengan ukuran gandum, atau bersamaan dengan 2.156 kg gandum.⁶¹ Maka ukuran nisab zakat pertanian berdasarkan ukuran kati Mesir ialah $300 \times 4.8 = 1440$ kati Mesir. Apabila diukur dengan kilogram, $300 \times 2.156 = 646.96$ kg atau digenapkan menjadi 647 kg.⁶²

Berdasarkan Rancangan Peraturan Menteri Agama Republik Indonesia kadar nisab zakat tumbuh tumbuhan adalah 1304 kg sebelum dibersihkan dan 652 kg setelah dibersihkan. Adapun jenis tumbuh-tumbuhan yang dimaksud adalah padi, biji-bijian, tanaman hias dan buah-buahan. Bila dilihat kadar nisab menurur al-Qaraḍāwī adalah 647 kg sebagaimana yang telah dibincangkan diatas tidak jauh berbeza dengan yang ditetapkan oleh rancangan peraturan Menteri Agama RI iaitu sebanyak 652 kg.

⁶¹ Yūsuf al-Qaraḍāwī (2006), *op.cit.*, h. 381.

⁶² *Ibid.*, h. 382

2.6.1 Syarat Nisab Zakat Pertanian

Dalam pengiraan nisab biji-bijian dan buah-buahan, disyaratkan hasil pertanian tersebut telah masak, kering bersih dari kulit, jerami dan tangkai. Akan tetapi jika hasil pertanian diambil ketika mentah dan basah maka hal inipun diperbolehkan dan diambil kira. Adapun pada biji-bijian yang kulitnya tidak dimakan maka nisabnya adalah 5 wasaq dalam keadaan kering dan bersih dari jerami dan kulitnya.

Biji-bijian yang disimpan beserta dengan kulitnya, tetapi tidak dimakan beserta dengan kulitnya seperti padi dan gandum nisabnya adalah 10 wasaq.⁶³

Menurut Imam al-Nawawi kulit biji-bijian ada tiga jenis:

1. Kulit bijian yang tidak disimpan dan tidak dimakan, tidak dikira sebahagian dari nisab.
2. Kulit bijian yang disimpan dan dimakan beserta isi, kulit tersebut dikira sebahagian dari nisab.
3. Kulit bijian yang disimpan berserta dengan isinya akan tetapi tidak dimakan dengan kulitnya, tidak termasuk sebahagian nisab.⁶⁴

Dalam penghitungan zakat pertanian tidak boleh mencampur hasil pertanian yang berbeza jenis. Namun untuk menggenapkan hasil pertanian agar cukup nisab, diharuskan

⁶³ Khatib al-Syarbini (1997), *op.cit.*, h. 568.

⁶⁴ Al-Nawawi (t.t.), *op.cit.*, j. 5, h. 502.

menghimpunkan jenis pertanian yang satu nau' (serupa) walaupun berlainan warna, rasa, rupa, bentuk dan sifat seperti gandum dengan barli.⁶⁵

Oleh sebab itu amalan yang telah dilakukan oleh sebahagian petani yang mencampur antara padi yang berlainan rasa, warna dan rupa tidak bercanggah dengan syara'.

2.6.2 Kadar Nisab Zakat Pertanian Tanpa Gantang

Untuk menentukan nisab zakat pertanian yang dapat disukat dan ditimbang telah dinyatakan di dalam hadis sebagaimana yang telah dijelaskan di atas iaitu 5 wasaq. Akan tetapi dalam menentukan nisab zakat pertanian yang tidak dapat disukat seperti kapas dan kelapa, para ulama berbeza pendapat dalam menentukan kadar nisabnya.

Menurut Abū Yūsuf zakat pertanian yang tidak dapat disukat nisabnya adalah sesuai dengan harga 5 wasaq dari harga yang terendah daripada biji-bijian. Hal ini kerana asas kadar zakat pertanian adalah 5 wasaq, maka jika tidak dapat disukat dengan menggunakan gantang maka harus sesuai dengan harganya, dan diambil harga yang terendah kerana kadar yang terendah termasuk kedalam bahagian fakir miskin.⁶⁶

Muhammad bin Hasan sependapat dengan Abū Yūsuf dalam menentukan zakat pertanian yang tidak dapat disukat iaitu dengan harga 5 wasaq. Akan tetapi Muhammad bin

⁶⁵ Khatīb al-Syarbīnī (1997), *op.cit.*, h. 568.

⁶⁶ Al-Kāsānī (1974), *op.cit.*, h. 61.

Hasan meletakkan harga yang tertinggi daripada biji-bijian, kerana nisab zakat dengan ukuran wasaq adalah ukuran sukatan yang tertinggi.⁶⁷

Sebahagian ulama berpendapat bahawa zakat pertanian yang tidak dapat disukat disesuaikan dengan kadar nisab zakat tijarah iaitu 200 dirham, kerana orang yang mengeluarkan zakat tidak mempunyai nisab maka digolongkan kepada zakat yang lain iaitu zakat harta ataupun zakat tijarah.⁶⁸

Imam Ahmad berkata hasil pertanian yang tidak dapat disukat nisabnya adalah dengan mengira berat timbangan, iaitu bersamaan dengan 1600 kati Baghdad, kerana nisab zakat yang ditentukan syara' selain ditentukan dengan sukatan gantang juga ditentukan dengan timbangan.⁶⁹ Maka pada setiap hasil pertanian yang tidak dapat disukat nisabnya adalah dengan ditimbang iaitu 647 Kg.

Dalam permasalahan ini, penulis sepandapat dengan pernyataan Yūsuf al-Qaraḍāwī yang mengatakan bahawa zakat pertanian yang tidak dapat disukat dengan gantang maka nisabnya sesuai dengan harga 5 wasaq, kerana tidak ada nas al-Qur'an ataupun hadis yang menjelaskan tentang nisab zakat pertanian yang tidak dapat disukat. Maka nisabnya ditentukan oleh ijtihad yang bersesuaian dengan keadaan masyarakat di suatu tempat.

Berdasarkan asas pensyariatan zakat yang mewajibkan zakat kepada orang-orang kaya, dan kadar kaya sebagaimana yang dinyatakan dalam hadis iaitu apabila sesuatu harta telah sampai nisabnya. Hasil pertanian atau segala yang dikeluarkan oleh bumi nisabnya

⁶⁷ *Ibid.*

⁶⁸ Yūsuf al-Qaraḍāwī (2006), *op.cit.*, h. 383.

⁶⁹ Ibn Qudāmah (t.t.), *op.cit.*, h. 697.

ialah 5 wasaq. Maka hasil pertanian yang tidak dapat disukat wajib mengikut kepada kadar 5 wasaq tersebut, iaitu sesuai dengan harga 5 wasaq.

Persoalan di sini, dalam menentukan harga 5 wasaq tersebut, adakah merujuk kepada harga yang paling tinggi atau yang paling rendah? Dalam masalah ini, penulis lebih cenderung mengikut keputusan ijтиhad masing-masing tempat, kerana harga sesuatu barang seperti beras misalnya tidak sama nilai di dua buah daerah. Namun dalam hal ini, harus diperhatikan agar pembayaran zakat tidak terlalu tinggi sehingga membebankan pembayar zakat atau terlalu rendah sehingga menganiayai penerima agihannya.

2.6.3 Kadar Nisab Zakat Pertanian Melalui Taksiran

Dalam menentukan kadar nisab zakat pertanian, petani harus menunggu pertaniannya menghasilkan ataupun berbuah baru diketahui kadar nisab yang wajib keatasnya. Dalam suatu keadaan seorang petani boleh mengetahui kadar nisab zakat pertanian yang wajib keatasnya sebelum menuai ataupun memetik hasil. Keadaan ini dikatakan sebagai mentaksir hasil pertanian. Kegunaan menaksir hasil pertanian ialah agar hak masing-masing petani dan penerima zakat terpelihara. *Muzakki* atau pemilik pertanian dapat mempergunakan hasil yang ditaksir sesuai dengan keinginannya dengan tetap menjaga kadar zakat yang telah ditaksir, dan petugas pentaksir zakat telah mengetahui kadar zakat yang akan diambilnya dari petani.⁷⁰

Yang dimaksud dengan taksiran (*al-Khars*) ialah penentuan kadar nisab zakat pertanian secara perkiraan yang dilakukan oleh pentaksir zakat dalam tempoh

⁷⁰ Al-Nawawī (t.t.), *op.cit.*, j. 5, h. 477

matang.⁷¹ Dalam menentukan hukum taksiran, para ulama berbeza pendapat mengenainya. Menurut Umar bin Khattab, Sahl bin Abī Ḥasmah, Marwan, Qāsim bin Muḥammad, Ḥasan, ‘Atha’, Zuhri, ‘Amru bin Dinār, Imam Mālik, Imam Syafi’i, Imam Aḥmad dan jumhur ulama berpendapat bahawa taksiran adalah diperbolehkan dan penting untuk dilaksanakan.⁷²

Imam Ḥanafi berlainan pendapat dengan pandangan di atas, beliau menyatakan bahawa amalan taksiran terhadap hasil pertanian tidak diharuskan kerana amalan taksiran merupakan penentuan terhadap perkara yang ghaib atau belum diketahui dan juga taksiran merupakan dugaan terhadap hasil pertanian yang tidak boleh dihukumkan dengannya.⁷³

Pendapat jumhur ulama berdasarkan hadis:

عَنْ سَعِيدِ بْنِ الْمُسَيَّبِ عَنْ عَنَّابِ بْنِ أَسِيدٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَبْعَثُ عَلَى
النَّاسِ مَنْ يَخْرُصُ عَلَيْهِمْ كُرُومَهُمْ وَثَمَارَهُمْ

Maksudnya : ” Dari Sa’id bin Musayyab dari ‘Atab bin Usaïd bahawasanya Nabi Muhammad s.a.w. mengutus orang yang mentaksir zakat tamar dan buah mereka.”⁷⁴

Dan juga berdasarkan hadis Sahl bin Bakar ketika perang Tabuk:

عَزَّزْنَا مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَزْرَوَةَ تَبُوكَ فَلَمَّا جَاءَ وَادِيُ الْفُرَنِ إِذَا امْرَأَةٌ فِي حَدِيقَةٍ لَهَا
فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِأَصْحَابِهِ اخْرُصُوهَا وَخَرَصُوا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
عَشَرَةً أَوْ سُقِّ فَقَالَ لَهَا أَخْصِي مَا يَخْرُجُ مِنْهَا

Maksudnya: “ Kami berperang bersama Rasulullah s.a.w. perang tabuk, manakala kami sampai di Wadi Qura ada seorang wanita yang mempunyai kebun, Nabi s.a.w. bersabda kepada para sahabatnya: taksir kamulah

⁷¹ Yūsuf al-Qaraḍāwī (2006), *op.cit.*, h. 389.

⁷² *Ibid.*,

⁷³ *Ibid.*,

⁷⁴ Al-Tirmīzī, Muḥammad bin ‘Isyā bin Ṣurah (t.t.), *Sunan al-Tirmīzī*,” Kitāb al-zakāh”. No. hadith. 644. Riyad : Maktabah al-Mā’rif li al-Naṣri wa al-Tauzī”, h.163.

kebunnya, Rasulullah s.a.w. mentaksir kebunnya 10 wasaq, Nabi s.a.w. bersabda kepada wanita tersebut: hitunglah zakatnya.”⁷⁵

Imam Khaṭabī berkata: hadis ini menetapkan harusnya amalan mentaksir zakat, dan ianya merupakan pendapat jumhur ulama, kecuali yang diriwayatkan oleh Sya’bī yang mengatakan bahawa amalan taksiran adalah bid’ah. Bahkan sebahagian ulama berpendapat bahawa taksiran merupakan amalan untuk memudahkan petani agar tidak tertipu. Sedangkan hukum untuk melaksanakannya adalah tidak dibolehkan kerana didalamnya terdapat keraguan dan penipuan.

Imam Khaṭabī menolak pendapat mereka dengan mengatakan bahawa tidak ada keraguan dan penipuan dalam pentaksiran. Taksiran merupakan ijтиhad untuk mengetahui banyaknya jumlah pendapatan pertanian. Sedangkan penentuannya dengan mentaksir adalah salah satu ukuran dan penilaian sama seperti sukan dan timbangan.⁷⁶

Berdasarkan pendapat dan dalil-dalil yang diajukan oleh masing-masing pendapat, penulis lebih cenderung kepada pendapat jumhur ulama yang mengharuskan amalan mentaksir hasil pertanian lebih awal. Amalan mentaksir hasil pertanian lebih awal seharusnya diambil berat oleh pemerintah, kerana perkembangan teknologi di sektor pertanian yang semakin berkembang, dengan menggunakan jentera yang cepat, jimat dan menguntungkan. Sehingga hasil padi yang telah dituai terus keluar dari jentera khusus dan dimasukkan kedalam guni yang telah sedia ada untuk dijual ke kilang.

Oleh itu petani sukar untuk mengetahui jumlah nisab hasil pertanian yang mereka usahakan jika dilakukan dengan menggunakan alat jentera pertanian ini. Berbeza halnya

⁷⁵ Al-Bukhārī (t.t.), *op.cit.*, “Bāb Kharṣ al-Tamr”. No. hadith. 1481. j. 1 h. 459

⁷⁶ Yūsuf al-Qaraḍāwī (2006), *op.cit.*, h. 391.

jika pertanian yang diusahakan atau diproses dengan cara tradisional. Maka untuk mengatasi masalah ini sepatutnya adalah usaha pentaksiran (*al-Khars*) haruslah dilaksanakan secara menyeluruh.

2.7 Kadar Zakat Pertanian

Untuk menentukan kadar zakat pertanian ada beberapa perkara penting yang menjadi perbincangan di kalangan sarjana Islam. Antaranya iaitu kewajaran menolak kos tanaman dan juga kos sara hidup. Persoalan yang timbul adalah adakah zakat pertanian dikeluarkan apabila telah cukup nisabnya iaitu 5 wasaq tanpa ditolak kos tanaman dan kos sara hidup terlebih dahulu, atau diambil kira kedua-dua kos tersebut.

2.7.1 Kos Pengeluaran Tanaman

Kadar zakat pertanian yang diwajibkan ke atas hasil pertanian yang telah mencapai satu nisab atau lebih, telah ditetapkan oleh Rasulullah s.a.w. iaitu sebanyak lima peratus ataupun sepuluh peratus tergantung pengairannya.

عَنْ سَالِمِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ عَنْ أَبِيهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ فِيمَا سَقَتْ السَّمَاءُ وَالْعِيُونُ أَوْ كَانَ عَثَرًا لِلْعُشْرُ وَمَا سُقِيَ بِالنَّضْحِ نِصْفُ الْعُشْرِ

Maksudnya: “Dari Salim bin Abdillah dari ayahnya Nabi s.a.w. bersabda : Pada setiap yang disirami air hujan, mata air dan al-‘usri (aliran air), zakatnya sepuluh peratus manakala yang disirami dengan menggunakan tenaga manusia, binatang atau jentera zakatnya lima peratus.”⁷⁷

عَنْ حَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ يَذْكُرُهُ أَنَّهُ سَمِعَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ فِيمَا سَقَتْ الْأَنْهَارُ وَالْعِيُونُ الْعُشْرُ وَفِيمَا سُقِيَ بِالسَّائِنَةِ نِصْفُ الْعُشْرِ

⁷⁷ Al-Bukhārī (t.t.), *op.cit.*, “Bāb al-Zakāh”. No. hadith. 1483. j. 1. h. 460.

Maksudnya: “ Dari Jabir bin Abdillah Nabi s.a.w. bersabda: pada setiap yang di sirami air sungai dan hujan zakatnya sepuluh peratus manakala yang disiram jentera zakatnya lima peratus.”⁷⁸

Hadis ini menjelaskan bahawa kadar sepuluh peratus (*al-'usyr*) dikenakan jika pengairan yang disampaikan ke kebun pertanian ataupun ladang menggunakan air hujan, yang dialiri oleh mata air ataupun aliran air dari sungai. Maka setiap pengairan yang dilakukan tidak mengeluarkan modal yang banyak atau kerja yang berat maka zakatnya sepuluh peratus, kerana beban pengairan menyebabkan tinggi rendahnya kadar tersebut.

Berdasarkan hujah di atas, maka perbelanjaan kos tanaman mesti ditanggung oleh petani dan zakat diwajibkan ke atas semua hasil tanpa dipotong perbelanjaan. Majoriti sarjana Islam berpendapat bahawa kos tanaman mestilah ditanggung oleh petani dan nisab zakat dikira apabila ada hasil tanpa menolak kos pengeluaran terlebih dahulu.⁷⁹

Ibn Qudamah berkata: Setiap yang disirami dengan mengeluarkan tenaga ataupun modal dengan menggunakan tenaga manusia, binatang ataupun jentera zakatnya adalah lima peratus (*nisf al-'usyr*), manakala kebun pertanian yang disirami dengan tidak mengeluarkan modal, maka zakatnya sepuluh peratus (*al-'usyr*). Hal ini disebabkan kerana menggunakan tenaga ataupun modal menjadi sebab dikurangkan kadar zakat pertanian keatasnya, kerana zakat diwajibkan pada harta yang berkembang dan yang menggunakan

⁷⁸ Muslim (1998), *op.cit.*, “ Bāb Mā Fīhi al-'Usyr aw Niṣf al-'Usyri”. No. hadith. 981. j. 3. h.67.

⁷⁹ Al-Zaila'i, Fakhr al-Dīn Abī Bakr bin Mas'ūd (1998), *Tabyīn al-Haqāiq*, j. 2. Lubnan: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h.102

tenaga ataupun yang mengeluarkan modal menyebabkan berkurangnya pertumbuhan/perkembangan tanaman.⁸⁰

Ada beberapa faktor-faktor yang tidak dikira sebagai beban yang dapat menurunkan kadar zakat iaitu air hujan, air mata air, air sungai ataupun air pegunungan yang mengalir ke kebun pertanian, sistem perparitan yang dibuat untuk aliran air, resapan air berhampiran yang mengelilingi ladang, atau segala bentuk penyuburan tanah yang dilakukan hanya sekali sahaja. Hasil pertanian yang diusahakan dengan bentuk dan cara di atas dikenakan zakat keatasnya sepuluh peratus. Ini adalah mengikut pendapat Imam Mālik, al-Tsaurī, Imam Syafī'i Imam Ḥanafī dan Imam Ahmad.⁸¹

Jika pengeluaran pertanian menggunakan 50 peratus pengairan – 50 peratus modal pengeluaran, maka kadar zakat hasil pertanian adalah 7.5 peratus (*thalāthah arba' al-'usyr*). Pendapat ini adalah pendapat Imam Mālik, Imam Syafī'i dan ulama 'Iraq.⁸² Hal ini disebabkan kerana jika secara keseluruhan 100 peratus kebun pertanian menggunakan pengairan air hujan, mata air ataupun aliran sungai zakatnya adalah 10 peratus. Begitu juga sebaliknya jika pengairannya dengan mengeluarkan modal zakatnya 5 peratus. Maka jika perbandingan pengairannya 50 peratus pengairan – 50 peratus modal pengeluaran zakatnya adalah 7.5 peratus.

Mengikut pendapat 'Atha', al-Thaurī, Ḥanafī dan salah satu pendapat Imam Syafī'i, jika kadar pengairannya 60 peratus pengairan – 40 peratus modal pengeluaran zakatnya adalah diambil yang terbanyak iaitu 10 peratus. Hal ini disebabkan kerana untuk mengukur

⁸⁰ Ibn Qudāmah (t.t.), *op.cit.*, j.2, h.298

⁸¹ *Ibid.*,

⁸² *Ibid.*, h. 299.

kadar peratus yang digunakan dengan pengairan air hujan dan pengairan yang mengeluarkan modal adalah amat sukar untuk dilakukan, maka wajiblah dimasukkan kepada yang lebih banyak. Menurut pendapat Ibn Ahmad dan pendapat Imam Syafi'i yang kedua zakatnya sesuai dengan kadar peratus.⁸³

Kesimpulannya, kadar zakat pertanian berkisar antara 10 peratus, 7.5 peratus dan 5 peratus. Perbezaan kadar tersebut adalah disebabkan pengaruh sistem pengairan yang digunakan dan pengeluaran modal.

Walau bagaimanapun, memandangkan suasana perkembangan teknologi dalam mengusahakan pertanian berbeza keadaan masa dahulu dan masa sekarang. Pelbagai kos terpaksa ditanggung oleh petani seperti kos baja, racun, jentera dan sebagainya. Penentuan kadar zakat pertanian perlu melihat sedikit banyaknya modal yang dikeluarkan oleh petani, bukan kerana system pengairan sahaja sehingga diwajibkan kadar nisab 10%.

Disini penulis mencoba memberikan satu kesimpulan melihat kepada dalil dan hujah yang telah disampaikan di atas dan juga melihat kepada keadaan semasa untuk menjaga kebijakan petani.

1. Jika petani mengeluarkan kos untuk baja , racun, jentera dan sebagainya walaupun tidak mengeluarkan kos untuk pengairan maka kadar zakat pertaniannya adalah 5%.
2. Jika petani hanya mengeluarkan modal yang sedikit untuk kos tanaman maka kadar zakat pertaniannya adalah 7.5%.

⁸³ *Ibid.*,

3. Jika petani tidak ada sama sekali mengeluarkan modal untuk pertanian dan juga untuk pengairan maka zakat pertaniannya adalah 10%.
4. Jika petani mengeluarkan modal untuk kos pengairan sawah begitu juga untuk kos tanaman seperti bibit tanaman, jentera, baja, racun dan sebagainya maka kadar zakat pertaniannya adalah 5 % selepas ditolak kos tanaman tersebut. Sebagaimana disampaikan oleh sarjana Islam kontemporeri seperti Yūsuf al-Qaraḍāwī⁸⁴, dimana zakat dikenakan kepada hasil pendapatan bersih petani iaitu setelah ditolak kos penanaman, kerana kos penanaman mengurangkan hasil pendapatan petani.

2.7.2 Kos Sara Hidup

Zakat merupakan satu mekanisme agihan kekayaan daripada orang yang kaya kepada orang yang miskin. Maka zakat hanya diwajibkan kepada mereka yang memiliki lebihan harta, manakala orang miskin yang tidak mencukupi untuk keperluan hidupnya dan orang yang dibawah tanggungannya adalah merupakan penerima zakat. Adalah tidak wajar sekiranya mengutip zakat daripada orang yang hanya memiliki kekayaan sekadar untuk memenuhi keperluan hidup dirinya dan orang yang di bawah tanggungannya seperti isteri, anak-anak serta ibu-bapa yang uzur.

Oleh sebab itu kos sara hidup petani perlu diambil kira sebagai pengurang daripada zakat pertanian. Kos sara hidup yang perlu diambil kira ialah kos sara hidup untuk keperluan asas petani, keluarga dan juga orang yang di bawah tanggungannya. Keperluan yang dimaksud disini adalah keperluan asasi manusia mengikut kadar keperluan semasa

⁸⁴ Yūsuf al-Qaraḍāwī (2006), *op.cit.*, j.1, h. 396.

seperti makanan, tempat tinggal, pakaian, pendidikan dan keperluan asas lain sesuai keperluan semasa.

Berdasarkan panduan daripada Rasulullah s.a.w. dimana beliau tidak mengambil zakat kecuali daripada orang yang kaya, sebagaimana dalam satu hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. bersabda:

"خیر الصدقة ما كان عن ظهر غنى وابداء من تعول"

"Sebaik-baik sedekah adalah daripada orang yang kaya dan mulailah daripada orang yang terdekat".⁸⁵

Dalam riwayat yang lain Nabi s.a.w. bersabda kepada Mu'az bin Jabal ketika diutus ke Yaman:

"..... ان الله قد فرض عليهم صدقة تؤخذ من اغنيائهم فترد على فقراهم....."

"..... Sesungguhnya Allah telah mewajibkan ke atas mereka zakat, diambil daripada orang-orang kaya diantara mereka dan dikembalikan kepada orang-orang miskin diantara mereka....."⁸⁶

Berdasarkan hadis di atas, zakat di ambil daripada orang kaya dan diagihkan kepada orang miskin. Oleh sebab itu zakat yang akan dikutip daripada petani adalah lebihan daripada kegunaan untuk kos sara hidup petani dan orang yang di bawah tanggungannya. Sekiranya petani hanya mempunyai kebun pertanian sahaja untuk menyara hidupnya dan keluarganya dan pendapatan daripada pertanian tersebut mencukupi untuk perbelanjaan kos sara hidupnya dan orang yang di bawah tanggungannya, barulah mereka diwajibkan mengeluarkan zakat pertanian.

⁸⁵ Al-Bukhārī (t.t), *op.cit.*, "Kitāb al-Zakāh". No. hadith. 1426. j. 1. h. 441.

⁸⁶ *Ibid.*, "Kitāb al-Zakāh". No. hadith. 1496. j. 1. h. 463, 464.

Namun apabila petani hanya mempunyai usaha pertanian untuk menyara hidupnya dan keluarganya dan hasil pertaniannya tersebut tidak mencukupi untuk memenuhi perbelanjaan kos sara hidupnya dan orang yang dibawah tanggungannya, maka mereka tidak layak untuk dikenakan zakat. Adalah tidak logik sekiranya zakat dipungut daripada golongan miskin untuk diagihkan kepada golongan miskin juga.

Dalam menafkahkan harta Rasulullah s.a.w. telah memberikan panduan kepada umatnya sebagaimana dalam satu hadis yang diriwayatkan oleh Jābir Rasulullah s.a.w. berkata kepada seorang lelaki:

"ابداء بنفسك فتصدق عليها فان فضل شيء فلاهلك فان فضل عن اهلك شيء فلذى قربتك فان فضل عن ذى قربتك شيء فهو كذا ومهكذا"

“ Berikanlah terlebih dahulu untuk kepentingan dirimu, apabila lebih berikanlah untuk isterimu, apabila masih lebih berikanlah kepada keluarga dekatmu apabila masih lebih berikanlah kepada yang lain-lain.”⁸⁷

Berdasarkan hujah dan dalil yang telah disampaikan di atas adalah wajar jika kos sara hidup diambil kira dan perlu ditolak bagi menentukan pendapatan petani itu mencukupi nisab atau sebaliknya. Sehingga kebijakan petani dapat terjaga dan juga kewajiban zakat tetap dapat terlaksana sesuai dengan pensyariatannya.

⁸⁷ Muslim (1998), *op.cit.*, “Kitāb al-Zakāh”. No. hadith. 997. j. 3. h. 514.